

SERUAN MASJID

MASJID NEGARA |

<http://www.masjidnegara.gov.my>

JANUARI 2009

TAHUN HIJRAH YANG MENINGGALKAN KITA . . .

e-SOLAT

Subuh	6.02
Zuhur	1.23
Asar	4.46
Maghrib	7.20
Isyak	8.34

“ Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat); dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. ”
(Q.S. Al-Hasyr [58]: 18)

Sudah tidak terhitung lagi berapa kali kita menemui pergantian tahun. Hingga sekarang, tahun hijriah telah mencapai 1430, dan 2009 untuk tahun masihi. Begitu cepatnya hingga kita terlena, tak pernah sedar bahawa perubahan terus terjadi. Kita tetap menjadi umat yang lemah dan semakin kehilangan peranan.

Cuba kita hadapkan wajah kita ke cermin. Melihat dan memperhatikan lebih saksama dan lebih lama. Apakah yang akan kita dapat? Tentunya akan banyak perubahan yang ada di wajah kita. Wajah yang berjanggut, ada jerawat di sana, pipi yang mulai kerepot, rambut yang mulai memutih dan menipis. Banyak perubahan yang terjadi di wajah kita. Tanpa pernah kita sedari, banyak perubahan yang terjadi pada diri kita.

Jika kita meneliti segala perubahan yang ada maka akan muncul satu konsep: perubahan adalah sunnatullah, satu-satunya yang ditetapkan Allah tidak akan berubah itu adalah perubahan itu sendiri. Kerana semua akan mengalami perubahan, maka yang paling penting adalah bagaimana kita mengambil sikap. Siap atau pun tidak siap, mau atau pun tidak mau, kita harus menghadapinya. Siapa yang bijak menghadapi perubahan, maka cepat atau pun lambat, ia akan menjadi orang yang berjaya. Sebaliknya jika kita tidak siap, maka kita akan menjadi orang yang terbelakang, tertindas dan selalu dalam kesusahan. Allah telah memberikan begitu besar potensi.

Dengan potensi tersebut, kita diberi kesempatan untuk melakukan perubahan ke arah perbaikan. Tidak akan ada perubahan dan perbaikan jika kita tidak berusaha mencapainya. Jika kita tidak memiliki cukup keberanian dan kekuatan untuk mengambil hikmah dan langkah perubahan dari sebuah momentum besar, maka tidak salahnya kita mencuba dari sebuah momentum kecil. Setiap pagi, saat subuh hari, di saat kita bangun tidur, kita boleh memulakan perubahan. Atau momentum tahun baru Islam, bulan Muharram 1430 H atau tahun baru Masihi 2009, dapat menjadi momentum yang baik untuk bangkit.

“ Usah dikira Usiamu Yang Telah Lalu, Tetapi kiralah baki umurmu yang mendatang ”

[IKLANEKA]
[IKLANEKA]

“ Solat Sunat Gerhana Matahari (Kusuf) pada 26 Januari 2009 Selepas Solat Asar ”

“ Taklimat Pelajar Dewasa 2009 19 Januari 2009 ”

Sebarang pertanyaan emailkan :
webmaster@masjidnegara.gov.my



Solat Sunat Gerhana

Solat Sunat Gerhana atau juga dikenali sebagai solat sunat Kusuf atau Solat Khusuf merupakan solat yang didirikan sewaktu terjadi gerhana bulan atau matahari. Solat sunat gerhana matahari dalam istilah arabnya : Solat Sunat Kusuf. Solat sunat gerhana bulan dalam istilah arabnya : Solat Sunat Khusuf.

Kusuf dari segi bahasa bermaksud terlindungnya cahaya matahari samada terlindungnya itu dalam bentuk juzu'nya atau keseluruhannya. Khusuf pula mutlak digunakan untuk lindungan cahaya bulan secara juzu' atau pun keseluruhannya. Ramai ulama' yang menyatakan bahawa kedua-dua kalimah itu boleh digunakan untuk kedua-duanya sekali samada gerhana bulan atau pun matahari.



Dari Abu Dzar katanya: "Aku berkata kepada Rasulullah s.a.w : "Pekerjaan manakah yang paling utama?" Jawab Rasulullah s.a.w: "Beriman kepada Allah dan berjihad di jalan Allah." Aku bertanya lagi: "Membebaskan sahaya manakah yang paling utama?" Jawab baginda: "Yang paling dikasihi oleh tuannya dan yang termahal harganya." Aku bertanya pula: "Jika saya tidak melakukan itu semua?" Jawab baginda: "Membimbing pembuat sesuatu sedangkan orang itu tidak berkeahlian." Berkata Abu Dzar: "Ya Rasulullah s.a.w, terangkanlah kepada saya bagaimana jika saya tidak kuasa melakukan sesuatu pekerjaan?" Jawab baginda: "Jangan membuat bencana terhadap orang lain, kerana hal itu sebagai dermamu kepada dirimu sendiri." (Muslim)



Atas Nama Islam

"Seorang muslim adalah saudara bagi sesama muslim ,kerana itu janganlah menganiaya,jangan membiarkannya teraniya dan janganlah menghina. Taqwa tempatnya disini! Sambil baginda menunjuk ke dadanya sebanyak 3 kali. Alangkah besar dosanya menghina saudara sesama muslim, setiap muslim haram menumpahkan darah saudara sesama muslim. Haram merampas haratnya dan haram mencemarkan kehormatan atau nama baiknya" (Muslim)

Mari sama-sama kita doakan keselamatan rakyat PALESTIN dengan membaca doa Qunut Nazilah ini.

Maksudnya " Ya Allah, sesungguhnya kami bermohon pertolongan Mu, kami meminta ampun kepada Mu, kami memohon petunjuk dari Mu, kami beriman kepada Mu, kami berserah kepada Mu dan kami memuji Mu dengan segala kebaikan, kami mensyukuri dan tidak mengkufuri Mu, kami melepaskan diri daripada sesiapa yang durhaka kepada Mu.

Ya Allah, Engkau yang kami sembah dan kepada Engkau kami bersolat dan sujud, dan kepada Engkau jualah kami datang bergegas, kami mengharap rahmat Mu dan kami takut akan azab Mu kerana azab Mu yang sebenar akan menyusul mereka yang kufur

Ya Allah, Muliakanlah Islam dan masyarakat Islam. Hentikanlah segala macam kezaliman dan permusuham, Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada. Angkatlah dari mereka kesusahan, bala, peperangan dan permusuhan.

Ya Allah, selamatkanlah kami dari segala keburukan dan janganlah Engkau jadikan kami tempat turunnya bencana, hindarkanlah kami dari segala bala kerana tidak sesiapa yang dapat menghindarkannya melainkan Engkau, ya Allah."